



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 9/2020  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DASAR DAN STRATEGI DALAM PELAKSANAAN *DIGITAL GOVERNMENT*:  
MEMANTAPKAN PERANAN *CHIEF INFORMATION OFFICERS (CIO)* DAN  
PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK *DIGITAL GOVERNMENT***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa beberapa perubahan dan pengemaskinian terhadap perkembangan dan pelaksanaan transformasi *Digital Government* mulai 10 Ogos 2020 adalah seperti berikut:-

**2. Pengemaskinian Keahlian dan Struktur *Chief Information Officers (CIO)* Forum**

- 2.1 Untuk mengukuhkan lagi usaha-usaha dalam transformasi digital terutama sekali dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai, CIO Forum ini adalah dinaiktarafkan dengan mengemaskinikan keahlian serta terma rujukannya.
- 2.2 Keahlian CIO Forum untuk dikemaskini dengan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, sebagai Timbalan Pengerusi. Keahlian CIO Forum adalah juga dikemaskini yang terdiri daripada sekurang-kurangnya peringkat Setiausaha Tetap serta Naib Canselor, Rektor dan Ra'es.
- 2.3 Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) berfungsi sebagai Urusetia kepada CIO Forum.
- 2.4 Senarai keahlian baharu CIO Forum serta terma rujukannya adalah seperti **Lampiran 1.**



-2-

### 3. **Langkah-Langkah Untuk Mendukung Inisiatif-Inisiatif Di Bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025**

Antara langkah-langkah untuk mendukung inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 menuju ke arah *Smart Nation* adalah seperti berikut:

#### i. **Pelaksanaan Projek-Projek *Digital Government* selaras dengan Pelan Transformasi Digital Kementerian (*Ministry Digital Transformation Plan*)**

- Penubuhan *Digital Transformation Steering Committee* (DTSC) di Kementerian masing-masing yang dipengerusikan oleh ahli CIO bertujuan untuk memberikan hala tuju dan memastikan pensejajaran (*alignment*) dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek *Digital Government* selaras dengan *Digital Transformation Plan* di Kementerian masing-masing.
- Setiap Kementerian hendaklah menyediakan Pelan Transformasi Digital Kementerian (*Ministry Digital Transformation Plan*) masing-masing dalam menyumbang kepada Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

#### ii. **Penelitian dan Pensejajaran Teknikal bagi Pelaksanaan Projek-Projek *Digital Government***

- Penubuhan *Digital Transformation Review Committee* (DTRC) yang sebelum ini dikenali sebagai *Project Review Committee* (PRC) adalah di bawah pengendalian Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) yang bertujuan membuat penelitian ke atas cadangan projek-projek serta memberikan pandangan atau ulasan samada projek-projek berkenaan mematuhi dasar, piawaian dan garispanduan *Digital Government*.
- Sehubungan dengan itu, semua permohonan projek-projek *Digital Government* yang baru dari setiap Kementerian hendaklah dihadapkan kepada DTRC bagi penelitian lanjut serta mendapatkan sokongan teknikal sejajar dengan keperluan Majlis Ekonomi Digital (DEC).

...3/



-3-

4. Dengan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2010 mengenai Dasar dan Strategi dalam Pelaksanaan E-Kerajaan: Memantapkan Peranan CIO dan Pelaksanaan Projek-Projek 'Flagship' E-Kerajaan adalah dibatalkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua mengenainya.

***"Al-Quran Dan Sunnah, Cahaya Agama"***

Dengan hormat

**[ MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS ]**

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan BA1000  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : ( 9 ) JPM/SK/2020  
Tarikh : 27 Safar 1442 / 15 Oktober 2020



<b>SENARAI KEAHLIAN BAHARU CIO FORUM</b>
<p><b>Pengerusi</b> Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi</p>
<p><b>Timbalan Pengerusi</b> Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)</p>
<p><b>Setiausaha</b> Yang Mulia Pengarah, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)</p>
<p><b>Urusetia</b> Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)</p>
<p><b>Ahli-Ahli</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media);</li> <li>2. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (Prestasi dan Korporat);</li> <li>3. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan;</li> <li>4. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri;</li> <li>5. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang);</li> <li>6. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan (Pengajian Tinggi);</li> <li>7. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;</li> <li>8. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional);</li> <li>9. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (Pentadbiran, Kewangan dan Estet);</li> <li>10. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan;</li> <li>11. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama;</li> <li>12. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;</li> <li>13. Yang Mulia Setiausaha Tetap di Kementerian Tenaga;</li> <li>14. Yang Mulia Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam;</li> <li>15. Yang Mulia Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei;</li> <li>16. Yang Mulia Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan</li> <li>17. Yang Mulia Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB)</li> </ol>

**Terma Rujukan bagi**  
**Chief Information Officer (CIO) Forum**

- ❖ Memberikan halatuju strategik inisiatif-inisiatif *Digital Government* berpandukan kepada *steer* dan *direction* daripada Majlis Ekonomi Digital yang berperanan dalam memberi halatuju secara menyeluruh dan inklusif sama ada dari sektor Kerajaan dan sektor swasta;
  
- ❖ Memantau perkembangan inisiatif *Digital Government* yang mana CIO adalah berperanan dalam melaksanakan program-program *Digital Government* masing-masing melalui *Digital Transformation Plan* Kementerian masing-masing dan *Focus Clusters*;
  
- ❖ Sebagai wadah dalam memastikan terdapatnya pensejajaran dan penyelarasan dalam perancangan dan pelaksanaan projek *Digital Government* dengan *Digital Economy Masterplan 2025* terutama sekali bagi projek-projek *non-flagship* dan projek-projek yang bukan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN).